



## KORPORASI PEMBANGUNAN DESA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai Lesen Perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah ( PUKONSA ) dalam kod yang disebutkan dibawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran sebut harga seperti berikut:

NO. TAWARAN	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TEMPAT MENGAMBIL DOKUMEN SEBUT HARGA
KPD/Q/2024/04	Membekal dan menghantar perabot untuk keperluan Asrama Pusat Latihan Belia KPD-OISCA di Lagud Sebrang, Tenom.	PUKONSA: (i) Kod Bidang: 020101 (ii) Sijil Taraf Bumiputera (iii) Lesen niaga yang masih sah.	Bahagian Perolehan & Harta, Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu.  Tel : 088-291352

**1.0 Tarikh dan Masa Pengambilan Dokumen : 30 April 2024 (Selasa) – 06 Mei 2024 (Isnin)**

8.00 pagi hingga 12.30 tengahari (Isnin – Khamis)  
8.00 pagi hingga 11.30 pagi (Jumaat)

**2.0 Harga Dokumen : RM50.00** (Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang (Money Order)/Bank Draf/Wang Pos atas nama Korporasi Pembangunan Desa. **Cek tidak diterima.**

**3.0 Para Pembekal/Penyebut Harga WAJIB menunjukkan SIJIL ASAL PENDAFTARAN PUKONSA, Lesen Perniagaan yang masih sah dan SIJIL TARAF BUMIPUTERA** serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil/lesen berkenaan semasa mengambil dokumen tawaran.

**3.0** Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baharu/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- 3.1** Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA; dan
- 3.2** Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

**4.0 Tarikh Tutup Tawaran : 06 Mei 2024 (Isnin), Pukul 10.00 pagi. Dokumen Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.**

**5.0** Semua maklumat yang dikehendaki dalam Dokumen Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Korporasi Pembangunan Desa berhak menolak mana-mana dokumen sebut harga yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Korporasi Pembangunan Desa juga tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan penyebut harga gagal mendapat tawaran. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil/lesen dan dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tawaran di penjurua kiri sudut atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

Setiausaha Jawatankuasa Sebut Harga  
Korporasi Pembangunan Desa  
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,  
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,  
88300 KOTA KINABALU.

**6.0** Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti berikut:

Korporasi Pembangunan Desa  
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,  
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,  
88300 KOTA KINABALU.

**7.0** Korporasi Pembangunan Desa (KPD) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGURUS BESAR  
KORPORASI PEMBANGUNAN DESA**